

*Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1)(2017): 69-75

## Kemahiran Generik dan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Guru Pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia

Generic Skills and Academic Achievement among Trainee Teachers at Teacher Education Institute

KAMARUL MD. SHAH\*, FARAH MUKHTAR, HASNAH ABDULLAH,  
MANORIZA ABDUL MALEK & ZAIRINIAH MOHD. SHUKUR

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran generik dalam kalangan guru pelatih di salah sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia. Seramai 104 orang guru pelatih semester akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi dari soal selidik kemahiran generik yang telah dibina oleh SCANS (2001), Mohd Sattar (2009), Kamarudin (2010), Kemahiran Insaniah (KPTM 2006) dan Rangka Kerja Kualiti Malaysia – MQA (2005). Antara pemboleh ubah yang dikaji ialah: (1) kemahiran komunikasi, (2) kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, (3) kemahiran kerja berpasukan, (4) pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, (5) kemahiran kepimpinan, (6) moral dan etika dan (7) kemahiran keusahawanan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik guru-guru pelatih adalah berada pada tahap sangat baik. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kemahiran generik dan pencapaian akademik guru pelatih. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran generik dan faktor jantina sebaliknya pula tiada perbezaan yang signifikan antara kemahiran generik dan faktor kaum. Kesimpulannya, kepentingan kerja berpasukan, kesediaan mengambil tanggungjawab dan pembelajaran secara kolaboratif merupakan antara aspek penting untuk pembelajaran yang berkesan dalam konteks ini yang perlu difikirkan oleh tenaga pengajar. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan beberapa inisiatif yang boleh dilakukan khususnya yang berkaitan dengan kemahiran generik untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.*

*Kata kunci: Kemahiran generik; guru pelatih; pencapaian akademik*

### ABSTRACT

*This study aimed to identify the level of generic skills among trainee teachers at one of the Teacher Education Institutes in Malaysia. A total of 104 trainee teachers of final semester Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) participated in this study. Data were collected using a questionnaire which was adapted from generic skills questionnaire developed by the SCANS (2001), Mohd Sattar (2009), Kamaruddin (2010), Soft Skills (KPTM 2006) and Malaysian Quality Framework (MQA), (2005). Among the variables studied were the skills of communication, critical thinking and problem solving, teamwork, continuous learning and information management, leadership, moral and ethics, entrepreneurship and self-confidence. Results of the study show the level of generic skills of these trainee teachers is very good. Trainee teachers also exhibit high generic skills particularly the confident, team work, and communication constructs. However the entrepreneurship construct has the opposite score. The results indicate there is a positive relationship between the generic skills and academic achievement. Apart from that, the results also show there is a difference between generic skills and gender but no significant difference with race factors. The importance of teamwork, being given responsibility and collaborative learning emerged as the most important factors for effective learning in the three contexts under consideration. Finally, this paper ends with suggestions and recommendations with respect to further initiatives to enhance the employability of the graduates, especially related to generic skills*

*Keywords: Generic skills; trainee teachers; academic achievement*

### PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, kemahiran generik adalah salah satu kemahiran yang penting bagi bakal graduan dan tidak terkecuali bagi guru pelatih yang akan memasuki alam pekerjaan. Guru pelatih juga perlu dilengkapi dengan

kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja walaupun bidang pekerjaannya telah mengkhusus kepada bidang perguruan. Ini merupakan suatu perkara yang penting iaitu bakal guru yang telah memperolehi kemahiran generik akan menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran kerjanya apabila mereka menamatkan pengajian.

Pendidikan abad 21 yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada ketika ini menunjukkan bahawa kemahiran pengajaran dan pengetahuan dalam bidang pendidikan sahaja tidak mencukupi, tetapi mereka juga perlu menguasai setiap komponen dalam kemahiran generik. Hal ini bertepatan dengan usaha kerajaan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada semua pelajar, selaras dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu antara kandungannya adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek bermula dari alam persekolahan hinggalah dewasa.

Kemahiran generik adalah kemahiran umum yang boleh digunakan dalam banyak pekerjaan dan tidak khusus kepada satu-satu pekerjaan atau industri sahaja iaitu dari tahap rendah hinggalah ke tahap yang lebih tinggi (Ahmad et al. 2004; Mohd. Zaki 2004; Cotton 2001). Menurut Siti Rahayah et al. (2010), kemahiran generik adalah sesuatu yang subjektif sifatnya dan satu instrumen telah dihasilkan dengan menggunakan salah satu daripada aspek pengukuran tersebut, iaitu penilaian pensyarah yang mengandungi sembilan konstruk kemahiran, iaitu kemahiran kerja berpasukan, berkomunikasi, kepemimpinan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika, moral dan profesional, sosial dan pengurusan. Tahap penguasaan kemahiran ini akan menentukan keupayaan dan kebolehan seseorang dalam penyelesaian masalah, penulisan laporan, bekerja dalam kumpulan, pembelajaran pengetahuan baru dan menguruskan stres apabila mereka perlu untuk mengendalikan sesuatu perubahan dengan jayanya (Mohd. Zaki 2004).

Pada masa ini, pendidik perlu akui, menghadapi dan menangani kemahiran hidup atau krisis berbekalkan kemahiran generik perlu untuk kebahagiaan dan kejayaan pelajar bagi meningkatkan produktiviti dan kejayaan dalam masyarakat itu (Abdel Halim 2015). Peranan guru atau pendidik telah menjadi sangat penting dan kompleks untuk memastikan bahawa permintaan dan keperluan untuk kemahiran generik ini dapat dipenuhi. Hujahnya bahawa sama ada ia adalah kemahiran abad ke-21, kemahiran insaniah, kemahiran hidup, kemahiran sosial atau kemahiran generik, semuanya membawa erti kata yang sama maksudnya seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (1993) sebagai kebolehan untuk bertingkah laku adaptif dan positif yang membolehkan seseorang individu untuk menangani sesuatu secara berkesan dengan tuntutan dan cabaran kehidupan seharian iaitu komunikasi/kemahiran interpersonal, membuat keputusan dan kemahiran pemikiran kritikal, dan kemahiran pengurusan diri. Dalam kalangan pentadbir sekolah, kemahiran generik atau kemahiran insaniah ini juga penting diamalkan dalam pengurusan sekolah. Kajian oleh Tang Keow Ngang dan Zainab (2014) menunjukkan bahawa pengetua di Sekolah Berprestasi Tinggi lebih kerap mengamalkan kemahiran

kolaborasi dan kerja berpasukan menurut persepsi guru. Hal ini diikuti oleh kemahiran komunikasi, kemahiran persembahan, kemahiran kepemimpinan, kemahiran perancangan dan pengelolaan, keberkesanan sendiri penguasaan sendiri, dan pembangunan kemanusiaan dan kejurulatihan. Sebaliknya, komponen kemahiran yang kurang kapasiti ialah kemahiran inisiatif. Persepsi guru terhadap tahap amalan kepemimpinan kemahiran insaniah pengetua didapati tinggi, sama ada secara keseluruhan, mahupun dalam setiap komponen berkenaan dengan julat min antara 4.01 sehingga 4.39.

Guru pelatih yang mempunyai pengetahuan akademik perlu dilengkapi dengan kemahiran generik supaya mereka mempunyai inisiatif untuk mencari dan menguasai ilmu baharu mengikut apa yang diperlukan di tempat kerjanya sesuai dengan dunia pendidikan yang sentiasa berkembang. Aplikasi kemahiran generik dalam kalangan bakal guru perlu dilaksanakan secara langsung melalui pembangunan kurikulum yang direka secara khusus atau secara tidak langsung (tersirat atau merentas kurikulum) melalui kurikulum yang sedia ada di universiti (Will et al. 2005). Ini bermakna, graduan IPG juga boleh mampu bersaing dalam pasaran kerja yang sentiasa berubah. Kemahiran generik akan memastikan seseorang individu itu untuk kekal relevan dan berdaya saing dalam era yang mencabar dan globalisasi. Kemahiran generik adalah juga sangat berguna untuk graduan universiti yang berpadanan dengan set kemahiran generik yang diperlukan dalam dunia pekerjaan (Kwok 2004; Gibb & Curtin 2004). Oleh itu, di samping berusaha untuk mendapatkan ijazah, guru juga akan terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan pengalaman kerja sebagai salah satu daripada amalan pengajaran mereka dalam membina kemahiran untuk bersedia memasuki dunia pekerjaan atau dalam erti kata lain bagi memenuhi kehendak pasaran dalam mendapatkan pekerjaan.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemahiran generik guru pelatih di institut pendidikan guru yang dipilih. Kajian ini akan memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar di institut pendidikan guru. Kertas kerja ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran generik guru pelatih dan sejauhmana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik berbanding semester sebelumnya. Penyelidik yakin bahawa kajian ini akan dapat memberi maklumat dan menyumbang pengetahuan baharu berkaitan dengan kemahiran generik dan pengaruhnya dari segi faktor demografi iaitu jantina dan bangsa.

#### PERNYATAAN MASALAH

Isu graduan kurang kemahiran generik telah menjadi satu isu global pada ketika ini. Kemahiran generik sangat diperlukan di pelbagai institusi latihan dan sektor pekerjaan. Ia adalah untuk memastikan bahawa graduan

dari setiap institusi memiliki kemahiran teknikal dan boleh menghadapi sebarang cabaran di tempat kerja. Antara perkara-perkara yang membimbangkan para majikan adalah graduan tidak mempunyai kemahiran generik yang diperlukan (Cotton 2001). Maka adalah menjadi tanggungjawab sektor pendidikan untuk mengambil tindakan yang proaktif dalam isu ini kerana kemahiran generik boleh diajar dan dipraktikkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan asas bermula di peringkat prasekolah akan menjadi titik permulaan yang terbaik untuk memupuk kemahiran generik ini walaupun guru akan mendapati agak sukar untuk membuat kanak-kanak memahami dan mempraktikkannya. Kanak-kanak menghabiskan lebih banyak masa di luar rumah setiap hari. Namun, ibu bapa juga perlu diberikan tanggungjawab sama untuk memastikan anak-anak mereka telah dilengkapi dengan kemahiran ini.

Majoriti majikan di seluruh dunia mengetahui kebanyakan pemohon kekurangan kemahiran generik. Menurut Mohd. Zaki (2004) dan Robinson (2000), ia adalah sukar untuk mendapatkan pekerja yang dapat menguasai kemahiran generik dengan baik. Trend terkini ialah kebanyakan majikan suka untuk memberi tumpuan yang lebih kepada kemahiran generik berbanding pengetahuan yang mereka dapat daripada sekeping sijil ijazah. Mereka juga turut memberi penekanan kepada kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah (ACCI 2002; QCA 2006; Zainuddin et al. 2005). Sehubungan itu, kebanyakan majikan meletakkan harapan yang tinggi kepada institusi pendidikan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar mereka. Sebaliknya mahasiswa juga berharap untuk dilatih secara sistematik dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam industri bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka di dunia pekerjaan. Walau bagaimanapun, suatu penyakit yang hanya memberi tumpuan kepada pembelajaran bagi tujuan untuk mendapatkan sijil sahaja telah merencatkan usaha ini (Ronald 1980). Jika tidak ada tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa pendidikan, ini akan lebih memperlambatkan proses memanusiaikan manusia melalui pendidikan.

Selain itu, menurut Philips (1997) dan Saemah et al. (2011), majikan sering mencadangkan kepentingan pelajar dalam sistem persekolahan ini dilengkapi dengan kemahiran untuk membuat keputusan dan berfikir secara kritis dan kreatif yang bermakna majikan mula mengutamakan graduan yang memiliki kemahiran insaniah. Berdasarkan pengalaman mereka ramai pekerja yang bekerja dengan keadaan yang kurang inisiatif, tidak disemai dengan budaya ilmu yang dapat mendorong pembelajaran sepanjang hayat dan terlalu bergantung pada orang lain untuk membuat keputusan bagi pihak diri mereka sendiri. Hal ini juga menjadi salah satu faktor kadar pengangguran dilaporkan meningkat dalam kalangan graduan (Berita Harian 2007). Laporan tersebut

menekankan aspek kematangan berfikir, pembangunan personaliti, kepimpinan, budaya intelektual, dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar yang didapati menurun dalam pendidikan bersepadu yang tidak menonjol sepanjang pengajian, terutamanya dalam kalangan pelajar di universiti.

Hal ini menunjukkan bahawa penerapan kemahiran generik dalam kalangan pelajar universiti kurang keberkesannya. Para graduan juga kurang menguasai kemahiran seperti nilai atau etika, penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal. Di samping itu, graduan juga dikatakan kurang penguasaan bahasa atau kemahiran berkomunikasi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat kebenaran fenomena tersebut terutama terhadap guru pelatih di Institut Pendidikan Guru yang sentiasa menekankan pembinaan karektor diri melalui pengajaran dan pembelajaran, kokurikulum, program mentor mente dan Bina Insan Guru. Shulman (2011) menekankan bahawa pusat pengajaran adalah seharusnya berupaya untuk melaksanakan pemindahan ilmu dan kemahiran kepada guru dan mengubah pelajar. Ini bermakna, adalah penting bagi pendidik untuk menyediakan dan menawarkan amalan pengajaran terbaik untuk pelajar-pelajar mereka bagi memastikan berlaku pemindahan dan proses perubahan. Badrock et al. (2010) pula menunjukkan bahawa kemahiran generik sangat diperlukan pendidik yang mahir dan terlatih untuk mengajar sesuatu ilmu dan kemahiran kepada pelajar. Kedua-duanya ini benar-benar menekankan kepentingan guru dan pendidik dalam memainkan peranan dalam membangunkan kemahiran generik. Ini bermakna kualiti pengajaran secara tidak langsung mencerminkan kualiti pembelajaran pelajar.

Walaupun bagaimanapun, tidak ada sebarang petunjuk untuk mengesahkan masa yang terbaik dalam kalendar akademik untuk mengajar kemahiran generik, sekiranya kemahiran yang akan dimasukkan dalam kurikulum atau tidak masih menjadi perbincangan. Satu kajian yang dijalankan oleh Ballentine dan Larres (2007) mendapati bahawa pengajaran kemahiran generik boleh dimasukkan dalam pengajaran melalui pembelajaran korporatif. Mereka juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kebolehan yang berbeza telah meningkatkan kemahiran generik mereka melalui pembelajaran korporatif. Dunia teknologi telah berkembang dengan sangat pantas dan penyelidikan mendapati kemungkinan mengajar kompetensi generik juga boleh dijalankan melalui pembelajaran maya (Gvaramadze 2012). Penemuan ini telah menyediakan satu mekanisme alternatif untuk mengajar kemahiran generik dan kemungkinan pengajaran dan pembelajaran kemahiran generik bukan lagi berlaku secara bersemuka. Dunia pengajaran dan pembelajaran semakin berkembang. Perkara paling penting adalah untuk mengekalkan tujuan sebenar pendidikan tanpa mengira medium dan metodologi yang sentiasa berubah. Peranan pendidik adalah penting untuk mengekalkan tujuan sebenar pendidikan yang merujuk kepada usaha untuk mengekalkan dan meningkatkan kemahiran generik ini kepada pelajar.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana sesuai dengan tujuan kajian untuk mengenal pasti trend dalam sikap, pendapat, tingkah laku atau ciri-ciri (Creswell 2005). Kajian ini merupakan satu kajian keratan rentas kerana ia cuba untuk mengukur kemahiran generik 104 orang guru pelatih semester akhir di sebuah institut pendidikan guru yang terpilih. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada soal selidik kemahiran generik yang telah dibangunkan oleh SCANS (2001), Mohd Sattar (2009), Kamarudin (2010), Kemahiran Insaniah (KPTM 2006) dan Rangka Kerja Kualiti Malaysia (MQA 2009). Kajian rintis menggunakan soal selidik yang diadaptasi ini telah dijalankan dan nilai kebolehpercayaannya ialah .93 dan ini bermakna soal selidik ini sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini.

Instrumen ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A terdiri daripada lima item demografi dan Bahagian B terdiri daripada 55 item kemahiran generik merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kepimpinan, moral dan etika, dan kemahiran keusahawanan. Instrumen ini menggunakan skala Likert lima mata yang terdiri daripada (5) yang mewakili "sangat setuju" hingga (1) yang mewakili "sangat tidak setuju" pada setiap item yang direka untuk menentukan tahap kemahiran generik berdasarkan refleksi sendiri sampel kajian. Penganalisan data dijalankan bagi menjawab persoalan kajian, iaitu statistik deskriptif dengan menggunakan nilai min iaitu nilai purata mewakili satu set nilai-nilai yang diperhatikan (Chua 2006) dan statistik inferensi menggunakan korelasi Pearson, ujian-t dan ANOVA.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian. Jadual juga disertakan bersama dan boleh dirujuk bagi menjelaskan lagi dapatan kajian.

### TAHAP KEMAHIRAN GENERIK DALAM KALANGAN GURU PELATIH

Dapatan kajian menunjukkan bahawa min kemahiran generik daripada responden adalah 4.42 yang dianggap berada dalam kategori tinggi (4.01-5.00). Hal ini menggambarkan bahawa modul latihan pengajaran dan pembelajaran atau kurikulum yang diamalkan di IPG telah berjaya memenuhi pembinaan kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran sepanjang hayat, etika dan moral,

kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan. Semua konstruk ini sentiasa diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah dan juga semasa penilaian berterusan yang dilaksanakan mengikut amalan di IPG.

JADUAL 1. Tahap kemahiran generik guru pelatih

Pemboleh ubah	N	Min	Sisihan piawai
Kemahiran generik	104	4.42	3.77

### HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN GENERIK DAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Analisis korelasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kemahiran generik dan pencapaian akademik guru pelatih. Berdasarkan Jadual 2,  $r [104] = 0.565$ ,  $p = 0.006$  ( $p > 0.01$ ). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kemahiran generik dan pencapaian akademik guru pelatih. Oleh itu, guru pelatih yang mempunyai kemahiran generik yang tinggi akan membantu mereka memperoleh pencapaian yang tinggi juga dalam pembelajaran mereka di IPG dan begitulah juga sebaliknya.

JADUAL 2. Hubungan antara kemahiran generik dan pencapaian

	Pencapaian
Kemahiran generik	0.565
Signifikan	0.006
N	104

$p > 0.01$

### PERBEZAAN TAHAP KEMAHIRAN GENERIK BERDASARKAN JANTINA

Jadual 3 adalah analisis tentang perbezaan tahap kemahiran generik berdasarkan jantina. Ujian-t yang telah dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dalam kalangan guru pelatih,  $t (103) = 34.451$ ,  $p = .000$  ( $p > 0.05$ ). Hal ini menunjukkan bahawa dalam kalangan guru pelatih lelaki dan wanita, mereka mempunyai tahap kemahiran generik yang berbeza walau pun telah melalui modul latihan dan kurikulum yang sama.

JADUAL 3. Perbezaan tahap kemahiran generik berdasarkan jantina

Pemboleh ubah	t	DK	Sig.
Jantina	34.451	103	0.000

$p > 0.05$



PERBEZAAN TAHAP KEMAHIRAN GENERIK  
BERDASARKAN BANGSA

Jadual 4 pula adalah analisis anova tentang perbezaan tahap kemahiran generik berdasarkan bangsa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran generik guru pelatih berdasarkan bangsa,  $F(24,727) = 0,828$  dan  $p = 0,743$  ( $p > 0.05$ ). Ini bermakna semua guru pelatih tidak kira kaum telah berjaya memperoleh kemahiran generik yang diterapkan melalui modul latihan dan kurikulum yang diamalkan di IPG.

JADUAL 4. Perbezaan tahap kemahiran generik berdasarkan bangsa

Pemboleh ubah	F	DK antara kumpulan	DK dalam kumpulan	Sig
Bangsa	24.727	3	100	0.743

$p > 0.05$

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan empat persoalan kajian, iaitu tahap kemahiran generik dalam kalangan guru pelatih, hubungan antara kemahiran generik dan pencapaian akademik, perbezaan tahap kemahiran generik berdasarkan jantina dan perbezaan tahap kemahiran generik berdasarkan bangsa. Dapatan kajian lepas juga digunakan sebagai sokongan dalam membincangkan dapatan kajian ini.

TAHAP KEMAHIRAN GENERIK DALAM KALANGAN  
GURU PELATIH

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik guru pelatih berada pada tahap tinggi kerana skor min adalah 4.42. Hal ini menggambarkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di IPG secara keseluruhannya telah berjaya menyumbang kepada pencapaian kemahiran generik yang tinggi baik secara langsung mahupun tidak langsung. Selain itu juga aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diwajibkan kepada semua guru pelatih menjadi medium penerapan kemahiran generik. Praktikum dan aktiviti PBS (pengalaman berasaskan sekolah) yang perlu dilalui oleh mereka pada setiap semester iaitu sekurang-kurangnya seminggu hingga 12 minggu serta internship di semester akhir menjadi pelengkap kepada pemantapan kemahiran generik ini. Aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan diamalkan ini bertujuan untuk melengkapkan guru pelatih untuk menjadi modal insan negara seperti apa yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini juga menjelaskan mengapa IPG berjaya memainkan peranan penting untuk memastikan kemahiran generik dipupuk dalam kalangan guru pelatih. Ini selaras dengan kajian

oleh Mohd. Zaki (2004) yang menyatakan bahawa tahap penguasaan kemahiran ini akan menentukan keupayaan dan kebolehan seseorang dalam penyelesaian masalah, penulisan laporan, bekerja dalam kumpulan, pembelajaran pengetahuan baru dan menguruskan stres apabila mereka perlu untuk mengendalikan sesuatu perubahan dengan jayanya.

HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN GENERIK DAN  
PENCAPAIAN AKADEMIK

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih. Pencapaian akademik (GPA skor) yang lebih baik bermakna guru pelatih juga akan mempunyai kemahiran generik yang tinggi. Hasil kajian yang sama dalam penyelidikan oleh Badcock et al. (2010) yang menunjukkan bahawa pencapaian akademik iaitu PNG mempunyai hubungan yang positif berkaitan dengan kemahiran generik iaitu dari aspek pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan komunikasi. Pemahaman yang diperoleh melalui pengajaran dan pembelajaran akan membolehkan pelajar untuk merealisasikan apa yang diperoleh dan dikumpulkan di dalam kelas itu diaplikasikan dalam kehidupan sebenar. Guru-guru yang mengajar akan menyedari bahawa dengan pemahaman pelajar yang baik, mereka akan menghargai pengajaran guru dengan menunjukkan sikap yang baik.

Penemuan ini menunjukkan bahawa kemahiran generik yang perlu difahami bermakna pelajar perlu belajar dan guru pula perlu mengajar dengan baik dan bermakna. Kemahiran yang diperlukan di sini ialah keupayaan kognitif yang baik dan pemikiran kritikal. Kemahiran generik yang dikaji, sebagai contohnya pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah memerlukan pemikiran aras tinggi. Ini juga mencerminkan kepentingan bagi guru pelatih untuk terdedah dengan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menjadi kritis dan berupaya untuk menyelesaikan masalah. Sekolah merupakan sebuah tempat yang sangat mencabar dan guru pelatih perlu bersedia dengan apa-apa saja yang menjadi ketidakpastian. Oleh itu, salah satu cara untuk menghadapi keadaan ini ialah dengan memastikan kemahiran generik dapat dipupuk sejak dari awal tahun akademik mereka. Oleh itu, suatu penyakit yang hanya memberi tumpuan kepada pembelajaran bagi tujuan untuk mendapatkan sijil sahaja dan telah merencatkan usaha ini sebelum ini (Ronald, 1980) boleh diubah. Jika tidak ada tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa pendidikan, ini akan lebih memperlakan proses memanusiasikan manusia melalui pendidikan.

PERBEZAAN TAHAP KEMAHIRAN GENERIK BERDASARKAN  
JANTINA DAN BANGSA

Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran generik dan bangsa

manakala sebaliknya pula berdasarkan jantina. Dasar dan sistem pengajaran dan pembelajaran di IPG sememangnya tidak membataskan penglibatan pelajar dari segi bangsa di mana semua guru pelatih perlu mengikuti modul yang sama baik secara langsung mahupun tidak langsung. Namun dari segi jantina pula kebiasaannya sikap dan komitmen yang ditunjukkan oleh guru pelatih perempuan yang lebih positif telah menunjukkan terdapat perbezaan tahap kemahiran generik yang signifikan berdasarkan jantina. Oleh itu, IPG telah berjaya menyediakan guru pelatih dengan kemahiran generik yang sangat diperlukan khususnya apabila mereka memasuki alam pekerjaan. Namun penilaian dan kajian yang lebih spesifik boleh dijalankan bagi mengenal pasti komponen kemahiran generik mana yang menyumbang atau yang memerlukan penambahbaikan supaya kemahiran generik dalam kalangan guru pelatih ini dapat diperkukuhkan lagi. Hal ini bermakna tidak kira jantina atau bangsa apa sekalipun, kemahiran generik ini perlu dicapai ke tahap yang tertinggi kerana tanggungjawab yang sama dipikul oleh semua guru pelatih. Ini selaras dengan kajian oleh Abdel Halim (2015) yang menyatakan bahawa pendidik perlu akui, menghadapi dan menangani kemahiran hidup atau krisis berbekalkan kemahiran generik yang diperlukan untuk kebahagiaan dan kejayaan pelajar bagi meningkatkan produktiviti dan kejayaan dalam masyarakat itu. Peranan guru atau pendidik telah menjadi sangat penting dan kompleks untuk memastikan bahawa permintaan dan keperluan untuk kemahiran generik ini dapat dipenuhi.

#### KESIMPULAN

Usaha yang dijalankan melalui penyelidikan ini sudah tentu dapat memberi manfaat terutamanya kepada IPG serta pihak-pihak yang berkaitan dengan pendidikan guru. Seringkali timbul masalah untuk berhadapan dengan sesuatu “krisis” apabila berlaku ketidakpadanan antara apa yang diperolehi di dalam kelas dengan apa yang dituntut dalam kehidupan sebenar terutama di tempat kerja. Hasil kajian ini dapat memberi maklumat yang berharga kepada pihak berwajib untuk menimbang semula kandungan sukatan pelajaran yang ditawarkan dan juga untuk memberi perhatian yang lebih untuk menghasilkan mekanisme bagi memastikan kemahiran generik dapat dipupuk sepanjang tempoh latihan. Mudah-mudahan kemahiran generik ini dapat ditunjukkan apabila guru menjalankan tugas di sekolah-sekolah. Cadangan ini hanya akan berjaya diketengahkan sebagai suatu yang sangat penting dengan adanya kerjasama majikan, pendidik dan pembekal untuk melihat sejauh mana pelbagai kemahiran generik ini dapat dicerminkan dan diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

#### RUJUKAN

- Abdelhalim, S.M. 2015. Children literature based program for developing EFL primary pupils' life skills and language learning strategies. *English Language Teaching* 8(2): 178.
- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus & Noraini Kaprawi. 2004. Peranan kokurikulum dalam pembangunan kemahiran generik. *Jurnal Sains Sosial* 2(1): 1-7.
- Australian Chamber of Commerce and Industry (ACCI). 2002. *Employability Skills: An Employers' Perspective*. Retrieved on 14 March 2006. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/40864750>.
- Badcock Paul, B.T., Pattison Philippa, E. & Harris, K.L. 2010. Developing generic skills through university study: A study of arts, science and engineering in Australia. *Higher Education* 60: 441-458.
- Badcock, P., Pattison, P. & Harris, K. 2010. Developing generic skills through university study: A study of arts, science and engineering in Australia. *Higher Education* 60(4): 441-458. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/40864750>.
- Ballentine, J. & Larres, P.McC. 2007. Cooperative Learning: A pedagogy to improve students' generic skills? *Education and Training* 49(2): 126-137.
- Berita Harian*. 2007. Kaedah 'ranking' tempatan IPT kembalikan peranan sebenar. 7 Ogos 2007.
- Cotton, K. 2001. *Developing Employability Skills*. School Improvement Research Series: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Dore, R. 1980. The diploma disease revisited. *The Institute of Development Studies (IDS) Bulletin* 11(2): 55-61.
- Gibb, J. & Curtin, P. 2004. *Overview generic skills: Research readings*. Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd.
- GCA. 2006. *Graduate Destinations 2005*. Melbourne: Graduate Careers Australia.
- Gvaramadze, I. 2012. Developing generic competences in online virtual education programmes at the University of Deusto, *em Campus-Wide Information Systems* 29(1): 4-20.
- Kamaruddin Md Tahir. 2010. Penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Softskills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kwok, M. 2004. Disciplinary differences in the development of employability skills of recent university graduates in Manitoba: Some initial findings. *Higher Education Perspectives* 5(1): 60-77.
- Mohamad Sattar Rasul, Md Yusof Ismail, Napsiah Ismail, Muhammad Rashid Rajuddin & Rose Amnah Abdul Rauf. 2008. Pembangunan standard pengukuran kemahiran 'employability'. *Jurnal Teknologi* 49 (E): 15-30.

- Malaysian Quality Agency. 2005. Malaysian Qualification Framework: MQA guide book: Employability. *Jurnal Teknologi* 49(E): 15-30.
- Mohd Zaki Kamsah. 2004. Developing generic skills in classroom environment: Engineerin students perspective. *Conference on Engineering Education (CEE 2004)*, 14-15 December 2004, Kuala Lumpur.
- Philips J.A. 1997. *Pengajaran Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Robinson, J. P. 2000. What are employability skills? *The Workplace* 5(3): 1-3. Retrieved April 20, 2015, from [http://www.aces.edu/crd/workforce/publicati\\_ons/employability-skills](http://www.aces.edu/crd/workforce/publicati_ons/employability-skills).
- Saemah Rahman, Seri Bunian Mokhtar, Ruhizan Mohd Yassin & Izham Mohd Hamzah. 2011. Generic Skills among technical student in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 15: 3713-3717.
- Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill. 2001. *Skills and Task for Jobs*. Washington D.C.: ASCANS Report for America 2000.
- Shulman, L.S. 2011. The scholarship of teaching and learning: A personal account and reflection. *International Journal for the Scholarship of Teaching and Learning* 5(1). <http://www.georgiasouthern.edu/ijstol>.
- Siti Rahayah Ariffin, Jamil Ahmad & Nur' Ashiqin Najmuddin. 2010. Pembangunan instrumen kemahiran generik pelajar berasaskan penilaian pensyarah dengan menggunakan model pengukuran rasch pelbagai faset. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 43-50.
- Tang Keow Ngang & Zainab Ali. 2014. Kepemimpinan kemahiran insaniah dan pengurusan kurikulum pengetua di sekolah berprestasi tinggi. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1): 77-82.
- U.S. Department of Labour Sowell, E.J. 1996. *An Interrative Introduction*. Englewood Cliffs: NJ: Merrill.
- Will, R., Sue, W. & Deborah, M.E. 2005. Mapping generic skills curricula: A recommended methodology. *Journal of Further and Higher Education* 29(3): 221-231.
- World Health Organization. 1993. *WHOQOL Study Protocol*. WHO/MNH/PSF/93.9, Geneva.
- Zainudin Hassan, Mohd Anuar Abdul Rahman, Mohd. Najib Abdul Ghaffar & Kamariah Zakaria. 2005. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran kejuruteraan di sekolah menengah teknik di Terengganu. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Md. Shah\*  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu, Terengganu.  
09-6683323 (O), 09-6683790 (Fax)
- Pengarang untuk surat-menyurat  
e-mel: kamarul.shah@umt.edu.my
- Farah Mukhtar, Hasnah Abdullah, Manoriza Abdul Malek & Zairiniah Mohd. Shukur  
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Diserahkan: 10 Oktober 2016  
Diterima: 28 April 2017

